

**DRAF TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PECAH TANAH PASAR AWAM PERKAMPUNGAN JURU  
PADA 5 JANUARI 2014 (AHAD)  
JAM 9:00 PAGI**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Panisamy**

Timbalan Ketua Menteri II

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli MMK Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir

**Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng**

Ahli MMK Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga ,Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi)

**Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto**

Ahli Parlimen Batu Kawan

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

Mantan dan Bakal Ahli Majlis MPSP

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama ke Majlis Pecah Tanah Pasar Awam Perkampungan Juru pada pagi ini. Tidak terlambat sekiranya saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2014 kepada YAB Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Semoga tahun 2014 akan lebih baik daripada tahun 2013

Y.A.B Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Sejarah pasar awam Perkampungan Juru yang telah wujud lebih 30 tahun yang lalu dengan aktiviti menjual sayur dan barangan pasar di dalam struktur sementara dibina yang boleh menempatkan 10 meja untuk menjaja. Kemudahan ini adalah tidak mencukupi. Bagi menampung perkembangan

pesat di kawasan Juru maka JKJKK Perkampungan Juru telah mewujudkan bangunan struktur sementara tapak penjaja dan tapak penjaja di atas jalan untuk menampung keperluan orang ramai.

Perkampungan Juru mempunyai lokasi strategik berdekatan dengan Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Utara-Selatan, kawasan-kawasan perindustrian Bukit Minyak, Bukit Tengah dan Perai serta kawasan-kawasan industri ringan yang berkembang dengan pesat dan menjadi sebuah perkampungan moden. Perumahan-perumahan di persekitarannya juga wujud dengan pesatnya. Dianggarkan lebih 5000 unit rumah di Perkampungan Juru dan kawasan yang berhampirannya.

Walaupun begitu, Perkampungan Juru masih belum mempunyai pasar awam yang kekal dan moden. Banyak penjaja perlu menjaja di luar kawasan pasar pagi dan ini mengganggu lalulintas. Sistem pengaliran untuk air buangan tidak memuaskan dan beberapa masalah lain lagi yang timbul.

Setelah sekian lama Persatuan JKJKK Perkampungan Juru berjuang untuk mendapatkan pasar awam baru , akhirnya pada 16 Januari 2013 dengan jasa baik Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan untuk projek pembinaan pasar awam baru di Perkampungan ini.

Pembinaan Pasar Awam Perkampungan Juru telah bermula pada 1 Disember 2013. Konsep pasar awam ini mempunyai elemen-elemen konsep bangunan hijau. Ketinggian bumbung adalah diantara 4 meter sehingga 7 meter untuk pengaliran udara yang lebih baik. Kerja-kerja pembinaan yang akan dijalankan adalah seperti:

- i. Bumbung jenis "metal-deck"
- ii. Kerangka bumbung jenis besi
- iii. Lantai jenis konkrit (broom-brush)
- iv. Meja jualan jenis konkrit dan permukaan atas berkemasan jubin - 30 unit
- v. Menyediakan 58 unit petak penjaja
- vi. Tiang jenis konkrit
- vii. Parit dan pelapik besi di dalam pasar
- viii. Meroboh bangunan pejabat JKKK kemudian membina semula pejabat baru
- ix. Pemasangan 35 unit meter air individu
- x. Pemasangan 19 unit meter elektrik individu
- xi. Pemasangan kipas siling sebanyak 41 unit
- xii. Pemasangan 112 unit lampu kalimantang
- xiii. Pembinaan depo sampah
- xiv. Menurap tar jalan

- xv. Pembinaan 3 buah tandas lelaki, 3 buah tandas perempuan dan 1 tandas OKU

Selain itu, *grease trap* berpusat turut disediakan untuk membolehkan sisa-sisa buangan dan minyak dapat diproses dengan lebih baik. Ini akan dapat mengelakkan sisa buangan dan minyak dibuang ke dalam parit di sekeliling pasar ini. Oleh itu, saya mengingatkan pada para peniaga supaya tidak membuat tambahan sinki lain. Jika ingin berbuat demikian, mohon untuk mendapatkan kelulusan Majlis kerana tambahan sinki ini akan membuatkan sisa-sisa buangan / minyak tidak melalui *grease trap* seperti yang dirangkakan di dalam pelan pembinaan pasar ini.

Y.A.B Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Pada tahun 2014, MPSP juga telah menyediakan RM 1 juta untuk menaiktaraf pasar awam dan kompleks makanan dan RM 1.8 juta lagi untuk tujuan penyelenggaraan dan membaiki pasar awam dan kompleks makanan.

Bagi tahun 2013, MPSP telah membelanjakan RM 866,421.15 untuk penyelenggaraan rutin pasar awam dan kompleks makanan. Disamping itu, MPSP juga telah membelanjakan kos pembaikan tambahan sebanyak RM 32,500.00 untuk kerosakan yang disebabkan vandalism. Oleh itu, saya

berharap semua boleh menggunakan kemudahan pasar yang akan dibina ini dengan baik.

Saya berharap dengan adanya Pasar Awam Perkampungan Juru ini, penduduk di sini akan lebih selesa dengan kemudahan yang disediakan dan juga berharap persatuan penjaja di sini boleh bekerjasama dengan MPSP untuk mengurangkan sampah di tapak pelupusan sampah di samping menjana pendapatan sampingan melalui membuat sisa kompos dari bahan buangan buah-buahan, sayur-sayuran, ikan dan kitar semula. Contohnya Pasar Bagan Ajam dan Pasar Kampung Baru menjalankan pengkomposan daripada sisa sayuran-sayuran ini. Pasar Awam Bukit Mertajam telah menghantar sisa organik ke Pusat Kompos di Bagan Ajam. Dianggarkan jumlah kutipan sisa organik untuk sehari di Pasar Bagan Ajam adalah sebanyak 450 kg manakala di Pasar Kampung Baru pula adalah sebanyak 250 kg. Pusat kompos di Bagan Ajam telah mengeluarkan dengan anggaran sebanyak 210 kg kompos sehari. Dengan kerjasama sebegini, ia dapat membantu mengurangkan penjanaan sampah dan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan Pulau Burung. Bersama-samalah kita menjaga kebersihan pasar ini supaya ianya menjadi contoh kepada pasar-pasar yang lain.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.